

### **Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **6 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Seri Paduka, MB sertai Coronation Cup**

### **Seri Paduka, MB sertai Coronation Cup**

**Oleh Azman Mahmood**

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dijangka berkenan belayar bersama Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh pada Kejohanan Perahu Layar Coronation Cup, pada 21 November hingga 24 November ini, sebagai tanda bermulanya kejohanan Piala Monsun pada 28 November hingga 2 Disember di Pulau Duyong, Kuala Terengganu.

Sehubungan itu, kejohanan Perahu Layar Piala Monsun kali ini juga dijangka lebih hebat dan dikunjungi lebih ramai pelancong dari dalam negeri dan luar negara untuk turut menyaksikan kejohanan Coronation Cup yang sebelum ini dikenali Terengganu Cup.

Idris berkata, kerajaan Terengganu sudah bersedia untuk mengendalikan kejohanan berprestij itu bagi musim ketiga sejak dimulakan pada tahun 2005.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua penaja kejohanan ini dan berbangga kejohanan kali ini disertai pasukan ternama yang sinonim dengan kejohanan terkemuka dunia seperti pasukan BMW, Oracle dan Alinghi Team Champ yang bertanding pada kejohanan Piala Amerika yang diadakan di Valencia, Sepanyol,” katanya kepada media selepas merasmikan pelancaran penajaan Kejohanan Perahu Layar Piala Monsun musim ini, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Terengganu yang juga Pengerusi T-Best Events Sdn Bhd, penganjur utama Piala Monsun, Datuk Wan Hisham Wan Salleh dan Penasihat kejohanan, Datuk Peter Gilmour.

Antara penaja korporat yang menaja kejohanan itu ialah Richard Milles, MasterCard, Worldwide, Astro, Kumpulan Telekom Malaysia (TM), Kumpulan Naza dan Kumpulan Trinidad.

Sementara itu, Wan Hisham berkata, kejohanan itu memberikan motivasi dan menggalakkan aspek pelancongan negara, khususnya kepada Terengganu untuk menjadi destinasi pelancongan dunia.

Beliau berkata, penganjur juga bekerja keras sejak beberapa tahun lalu untuk meletakkan kejohanan ini setaraf kejohanan seumpamanya di Eropah dan menjadi sukan perahu layar yang berprestij tinggi.

Katanya, kejohanan Piala Monsun kini dalam proses mencipta nama pada peringkat antarabangsa sebagai satu daripada kejohanan popular dunia.